




PENJARA TAIPING WARISAN NEGARA

MEMASUKI 2012, Penjara Taiping genap 112 tahun pembukaannya dan menjadi sebuah penjara tertua di Malaysia.

Penjara yang juga dikenali sebagai Penjara Larut dan Penjara Pusat Latihan Taiping mula dibina pada 1879 ketika zaman penjajahan Inggeris di bawah pentadbiran Residen British ketiga di Perak, Sir Hugh Low.

diperbuat daripada separuh batu-bata yang bersambung antara satu sama lain.

"Ketika itu, setiap bangunan dapat memuatkan 50 orang banduan saja. Ketika permulaan pembinaan, penjara ini dikenali sebagai Penjara Larut yang kemudian ditukar kepada Penjara Pusat Latihan Taiping. Pada 9 Januari 1992 melalui warta kerajaan, ia diberi nama Penjara Taiping.





Pengarah Penjara Taiping, PKK Shukri Saad, berkata Penjara Taiping yang pada mulanya seluas 5.159 hektar adalah sebahagian khazanah negara.

"Pembinaan pada peringkat awal menggunakan tenaga buruh paksa merangkumi tawanan perang dan banduan yang dibawa masuk dari India dan Afrika. Bahan binaannya pula diimport dari England melalui Syarikat Hindia Timur Inggeris.

"Ketika awal penubuhannya, penjara ini dibina untuk memenjarakan ahli kumpulan kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San yang mencetuskan kacau-bilau. Penjara ini juga digunakan bagi memenjarakan pembesar Melayu yang menentang penjajahan Inggeris dan penjenayah yang lain," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Shukri berkata, struktur awal Penjara Taiping merangkumi pagar kayu setinggi 2.7 meter dan lima buah bangunan yang


"Pada 1881, wadar Sikh dibawa masuk untuk membantu wadar Melayu mengajar pertukangan dari Hong Kong dengan memperkenalkan perusahaan dalam penjara. Antara perusahaan awal adalah seperti pecah batu dan pertukangan kayu.

"Ketika pemerintahan Jepun antara 1941 hingga 1945, penjara ini digunakan sebagai penjara awam dan juga tempat tawanan perang oleh tentera Jepun. Dalam tempoh peperangan inilah, semua rekod mengenai penjara dan banduan dimusnahkan.

"Kerajaan masih mengekalkan struktur asal penjara ini kerana ia menyimpan banyak sejarah sejak awal pembinaannya," katanya.

Beliau berkata, Penjara Taiping bukan saja menjadi tempat pesalah menjalani hukuman malah premis bagi banduan mempelajari pelbagai kemahiran yang ditawarkan sebagai bekalan menempuhi kehidupan normal.

Rencana ini hasil usaha sama dengan Jabatan Penjara



Tali gantung yang dipamerkan di Galeri Penjara Taiping.



Penjara Taiping masih berdiri kukuh walaupun berusia 112 tahun.



Meriam lama turut dipamerkan di Galeri Penjara Taiping.